

PENGUNAAN *BIG BOOK* DALAM KALANGAN GURU TADIKA UNTUK PERKEMBANGAN LITERASI KANAK-KANAK

The Usage of Big Book among Kindergarten Teachers for Children's Literacy Development

Nabilah Asha¹, Saedah Siraj², Hazhari Ismail³, Romarzila Omar^{4*}, Suzatul Akmar Samad⁵
Enayatul Fadliyah Ninari⁶

^{1,2,3,4}Jabatan Pendidikan Awal Kanak-kanak, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti
Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

⁵Tabika Kemas Felda Jengka 13, 26400, Bandar Jengka, Pahang, Malaysia

⁶Tadika Tunas Bestari IT, Bandar Teknologi Kajang, 43500 Semenyih, Selangor, Malaysia

d075745@siswa.upsi.edu.my¹, saedah@fpm.upsi.edu.my², hazhari@fpm.upsi.edu.my³,
romarzila@fpm.upsi.edu.my⁴, tabika_jengka13@yahoo.com⁵, eynafadly3@gmail.com⁶

* Corresponding Author

Received: 27 Oktober 2020; Accepted: 08 Disember 2020; Published: 15 Disember 2020

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk meneroka penggunaan *Big Book* oleh guru tadika untuk perkembangan literasi kanak-kanak. Objektif kajian ini adalah untuk; (i) meneroka penggunaan *Big Book* sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru tadika; dan (ii) meneroka penggunaan *Big Book* dalam kalangan guru tadika untuk perkembangan literasi kanak-kanak. Reka bentuk kajian ini adalah kajian kes menggunakan kaedah kualitatif. Seramai dua orang peserta kajian yang terdiri daripada guru tadika kerajaan dan tadika swasta telah dipilih. Kajian ini menggunakan protokol temu bual dalam pengumpulan data. Data daripada responden kajian dianalisis melalui proses transkrip dan *coding*. Hasil daripada kajian ini menunjukkan *Big Book* membantu guru terhadap perkembangan literasi kanak-kanak. Penggunaan *Big Book* adalah berkesan dan membantu perkembangan literasi kanak-kanak kerana tiga faktor berikut, iaitu; (i) pengalaman guru; (ii) kekerapan penggunaan; dan (iii) reka bentuk *Big Book*. Implikasi kajian penggunaan *Big Book* ini dapat digunakan sebagai kaedah pengajaran guru tadika untuk perkembangan literasi kanak-kanak.

Kata kunci: *big book*, perkembangan literasi, kanak-kanak, guru tadika

ABSTRACT

This study was aimed to explore the usage of *Big Book* among kindergarten teachers for the literacy development of children. The objectives are; (i) to explore the usage of *Big Book* during the teaching and learning session among kindergarten teachers in the kindergarten settings; and (ii) to explore the usage of the *Big Book* for the purpose of children's literacy development. The qualitative study was designed by applying a case study, whereby 2 respondents among both public and private kindergartens were participated as the sample. By adopting interview to collect the data, it had been transcribed and coded for the analysis process. The finding showed that by using *Big Book*, it could help teachers to support children's literacy development. This effective aid were appropriate due to three factors; (i) teacher's experiences; (ii) frequency; and (iii) the design of the *Big Book*. Hence, the study is implied to use the *Big Book* as alternative teaching materials for developing children's literacy.

Keywords: *big book*, literacy development, children, kindergarten teachers

PENGENALAN

Perkembangan kemahiran literasi kanak-kanak amat penting sebagai persediaan kepada pembelajaran apabila melangkah masuk ke alam persekolah rendah. Menurut *National Early Literacy Panel* dalam Mohamed Isa *et al.* (2017) menyatakan kemahiran literasi awal sangat penting kepada kanak-kanak kerana tahap penguasaan kemahiran membaca dan menulis menjadi pengukur pada masa akan datang. Kemahiran membaca, menulis dan mengeja seharusnya diajar seawal usia kanak-kanak berumur 2 tahun. Menurut Nik Salmi *et al.* (2020), proses perkembangan pertuturan, membaca, dan menulis yang berlaku sejak lahir dan berterusan sehingga kanak-kanak memperoleh kemahiran membaca dan menulis yang sebenar. Kemahiran literasi awal juga mempunyai komponen tertentu seperti yang terdapat dalam kemahiran komunikasi seperti mendengar, bertutur, membaca, dan menulis.

Sehubungan itu, para guru terutamanya guru tadika perlu peka akan perkembangan literasi kanak-kanak jika masih terdapat individu dalam kalangan mereka yang masih mempunyai masalah di dalam aspek ini pada usia 5 atau 6 tahun. Pemilihan bahan ABM yang bersesuaian dengan masalah dan usia mereka dapat membantu guru tadika dalam cuba membantu kanak-kanak yang masih dibelenggu permasalahan ini. Konsep cetakan seperti *Big Book* dapat membantu kanak-kanak sebagai permulaan kepada perjalanan untuk meningkatkan tahap kemahiran literasi kanak-kanak.

Penyataan Masalah

Kanak-kanak mula membaca dengan mengenali akan gambaran yang diberi. Ibu bapa atau guru pendidikan Awal kanak-kanak membimbing kanak-kanak dalam mengenali persekitaran mereka seperti haiwan, tumbuh-tumbuhan dan pelbagai lagi (Romarzila, 2017). Amalan membaca dalam kalangan masyarakat negara ini masih berada pada tahap sederhana dengan purata antara lapan hingga 12 buku setahun. Menurut Razali dan Ayob (2018), masalah membaca telah menjejaskan usaha pihak sekolah untuk melahirkan murid yang berpengetahuan. Tujuan membaca adalah untuk mendapatkan makna daripada bahan yang dibaca (Mohamed Isa & Che Husin, 2012). Kanak-kanak mula membaca melalui gambaran yang dilihat. Walaupun banyak bahan bacaan disediakan, sesetengah daripada mereka lebih berminat untuk bermain daripada membaca.

Natijah daripada sikap ini, kanak-kanak akan mula mengalami kelewatan dalam perkembangan literasi. Disini, para guru perlu memainkan peranan dalam memastikan perkembangan literasi kanak-kanak mencapai perkembangan yang sewajarnya. Ini adalah bergantung kepada teknik atau pendekatan yang diambil oleh seseorang guru. Kanak-kanak yang kurang membaca akibat daripada sikap lewa ibu bapa yang gemar akan menggunakan gajet dalam mendidik anak-anak mereka. Bahan ilmiah seperti buku cerita dipandang sepi oleh kanak-kanak.

Dalam masa yang sama, guru perlu menggunakan pendekatan atau kaedah yang lebih menarik dan kreatif untuk menarik minat kanak-kanak terhadap penggunaan buku sebagai salah satu medium pembelajaran. Menurut Gober (2008) dalam Bacotang dan Mohamed Isa (2016), pemilihan kaedah pembelajaran dan pengajaran kemahiran literasi awal untuk kanak-kanak merupakan salah satu cabaran besar kepada pendidik. Menurut Yahya (2004), guru perlu mempelbagaikan teknik pengajaran membaca agar dapat menjadikan pengajaran lebih mempunyai variasi, menarik serta dapat menimbulkan minat murid untuk belajar.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk;

- i. Meneroka penggunaan *Big Book* sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru tadika.
- ii. Meneroka penggunaan *Big Book* terhadap perkembangan literasi kanak-kanak dalam kalangan guru tadika.

Kajian Literatur

Menurut Baharudin *et al.* (2020), untuk menjadikan pembelajaran bahasa menjadi lebih efektif dan berjaya, *Big Book* perlu mempunyai ciri-ciri seperti penceritaan yang pendek (muka surat 10 hingga 15), susunan ayat yang jelas, gambar yang mempunyai makna, jenis fon dan saiz abjad yang bersesuaian serta plot yang mudah untuk difahami. Malah, guru dapat memilih *big book* yang isi cerita dan topiknya sesuai dengan minat atau sesuai dengan tema pelajaran dan membolehkan murid belajar membaca melalui teknik mengingat dan mengulang bacaan.

Shared reading merupakan satu kaedah yang digunakan terhadap kanak-kanak sebagai salah satu kaedah yang dapat membantu kanak-kanak dalam perkembangan literasi. Menurut Masnan *et al.* (2019), *shared reading* merupakan pengajaran berasaskan pengulangan bacaan. Menurut Peng Chew dan Fikri Ismail (2020), kanak-kanak berada di dalam satu kumpulan berkongsi membaca cerita bersama guru menggunakan ayat atau *text* yang besar. *Shared reading* lebih kepada aktiviti membaca bersama-sama dengan guru menggunakan bahan seperti *Big Book*. Guru akan membaca secara kuat dan kanak-kanak akan mengulang balik bacaan guru tersebut bertujuan untuk memberi kanak-kanak pengalaman dalam menjalin hubungan dengan teks dan memberi makna kepada cerita.

Donald Holdaway mempunyai satu teori yang bernama *Natural Learning Model*. Holdaway percaya bahawa kanak-kanak dapat dan boleh membaca sesebuah *text* atau ayat setelah dibaca berulang-ulang kali. Sebanyak empat langkah yang terdapat dalam proses model ini, iaitu demonstrasi, penyertaan, main peranan atau latihan serta persembahan. Setiap langkah tersebut merupakan proses dimana bagi Holdaway percaya kanak-kanak mempelajari kemahiran bacaan menggunakan model ini.

Langkah (1) ialah demonstrasi dimana kanak-kanak melihat atau mendengar kepada seseorang yang lebih berpengetahuan membaca atau menceritakan sesuatu kepadanya. Langkah (2) iaitu penyertaan. Proses ini berlaku dimana kanak-kanak mendengar atau melihat kepada seseorang yang lebih berpengetahuan semasa berkomunikasi sambil memastikan tiada sebarang bahagian cerita tertinggal. Langkah (3) pula adalah main peranan ataupun latihan. Di sini, kanak-kanak memulakan latihan bersama perkara yang telah dipelajari bersama individu yang bertanggungjawab. Langkah (4) adalah persembahan. Pada langkah yang terakhir ini, kanak-kanak akan mempersembahkan bakat yang telah dilatih di hadapan para penonton.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kajian kes sebagai reka bentuk kajian secara kualitatif. Kualitatif merupakan satu bentuk kajian yang fleksibel terutamanya dari segi bentuk instrumen yang dibuat serta jenis atau jumlah sampel responden yang digunakan berdasarkan tajuk kajian yang dibuat.

Peserta Kajian

Berdasarkan objektif yang digunakan, peserta kajian yang digunakan adalah dalam kalangan guru tadika. Pemilihan guru tadika adalah berasaskan pada pengalaman kegunaan *Big Book* tersebut dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Guru tadika yang mempunyai pengalaman dalam menggunakan *Big Book* memudahkan sesi temu bual yang dijalankan kerana soalan yang disediakan adalah berdasarkan objektif kajian yang dijalankan.

Pengumpulan Data

Pengkaji telah memilih untuk menggunakan protokol temu bual sebagai instrumen utama untuk mengumpulkan data. Bentuk temu bual ini adalah temu bual berstruktur. Soalan-soalan temu bual dibina berdasarkan objektif dan persoalan kajian ini. Kesemua soalan tersebut dihantar untuk kesahan pakar. Sesi temu bual dijalankan sejurus soalan temu bual mendapat kesahan.

Prosedur Pengumpulan Data

Dengan menggunakan instrumen temu bual, data dikumpulkan melalui panggilan telefon kepada setiap sampel. Perbualan tersebut dirakam sepanjang sesi temu bual dijalankan bermula pada soalan pertama sehingga soalan yang terakhir. Hasil rakaman daripada sesi tersebut akan melalui proses transkripsi daripada bentuk audio kepada bentuk penulisan.

Kaedah Analisis Data

Data di dalam bentuk audio ditukarkan ke bentuk penulisan melalui proses transkrip. Rakaman perbualan tersebut dimainkan dan jawapan yang diberikan oleh responden ditulis ke dalam bentuk penulisan dialog. Transkrip tersebut digunakan untuk membuat *coding* temu bual. Data *coding* tersebut akan dimasukkan ke dalam bentuk jadual. Setiap jawapan responden diasing baris demi baris dan mempunyai nombor turutan ayat. Sub tema dan Tema bagi setiap jawapan responden turut dihasilkan untuk memudahkan pengelasan kumpulan ayat.

DAPATAN KAJIAN

Penggunaan *Big Book* Sewaktu Sesi Pengajaran dan Pembelajaran dalam Kalangan Guru Tadika

Penggunaan *Big Book* sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru tadika merupakan persoalan kajian yang pertama bagi kajian ini. Persoalan kajian ini dapat membantu dalam mencari dapatan bagi soalan temu bual yang telah disediakan berdasarkan objektif kajian. Dapatan hasil daripada sesi temu bual telah menemukan tiga tema yang dikenalpasti hasil daripada dapatan kajian. Tema tersebut ialah; (i) pengalaman guru; (ii) kekerapan penggunaan; dan (iii) reka bentuk *Big Book*.

Pengalaman Guru

Berdasarkan hasil dapatan kajian, peserta kajian R1 dan R2 mempunyai pengalaman dalam penggunaan *Big Book* di dalam kelas. Hal ini kerana R1 dan R2 sudah sedia maklum akan *Big Book* merupakan sebahagian daripada ABM yang digunapakai sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, tiada responden yang memberikan dapatan seperti tidak mempunyai pengalaman untuk tema bagi soalan tersebut. Hasil temu bual menunjukkan guru mempunyai pengalaman dalam menggunakan *Big Book* sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran.

'Selalu digunakan untuk reading bacaan murid-murid pun kita'
(R1/24.8/PT/3)

'Saya biasa gunakan Big Book sebelum ni'. (R1/24.8/PT/4)

'memang suka guna dalam kelas sebab dia nampak dengan jelas'.
(R2/26.8/PT/37)

Kekerapan Penggunaan

Hasil temu bual bersama guru tadika menunjukkan guru menggunakan *Big Book* lebih dari dua kali seminggu sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran.

'Bergantung kepada silibus. Tapi mungkin sekitar 2 kali seminggu.'
(R2/24.8/PT/6)

Penggunaan *Big Book* untuk Perkembangan Literasi Kanak-kanak dalam Kalangan Guru Tadika

Bagi persoalan kajian ini, hasil dapatan mendapati bahawa R1 dan R2 masing-masing memberikan respon yang sama. Dapatan tersebut menunjukkan R1 dan R2 menyatakan kelebihan yang terdapat dan dimiliki oleh *Big Book* dalam menyokong sebab pemilihan *Big Book* sebagai salah satu metod dalam PdPc. Kelebihan yang terdapat pada *Big Book* memperlihatkan sebab kenapa guru tadika memilih buku tersebut sebagai salah satu metod di

dalam PdPc. Selain itu, R1 dan R2 juga turut menyatakan dengan jelas akan kaedah yang digunapakai dalam PdPc melalui *Big Book*.

Reka Bentuk Big Book

Daripada sesi temu bual itu juga, didapati bahawa R1 dan R2 mencapai persetujuan yang sama berkenaan perkara reka bentuk *Big Book* yang berkesan di dalam PdPc.

‘Sebab saiz buku itu yang besar dan fon yang jelas, mudah kanak-kanak baca..’ (R1/24.8/PT/8)

‘kalau 20 kanak-kanak, 80% memberi kesan’. (R2/26.8/PT/51)

‘mempunyai pembahagian warna dan susunan perkataan yang menarik minat kanak-kanak membaca...’ (R1/24.8/PT/31)

‘....dalam 2 hingga 3 suku kata memang mereka boleh ikut’. (R2/26.8/PT/51)

‘sesuai untuk pembacaan dari segi Bahasa Melayu’ (R2/26.8/PT/50)

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini adalah untuk meneroka penggunaan *Big Book* dalam kalangan guru tadika untuk perkembangan literasi kanak-kanak. Objektif utama kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka penggunaan *Big Book* sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru tadika serta meneroka penggunaan *Big Book* untuk perkembangan literasi kanak-kanak dalam kalangan guru tadika. Satu tindakan telah dijalankan dengan menggunakan kajian kualitatif melalui temu bual. Temu bual yang dijalankan adalah terhadap guru tadika yang dipilih berdasarkan ciri-ciri yang bersesuaian dengan objektif kajian.

Dengan menggunakan soalan yang dibangunkan berdasarkan objektif kajian, sesi temu bual telah dijalankan dan setiap perbualan telah dirakam sebagai rekod data asal sebelum diproses ke peringkat seterusnya. Setelah melalui proses transkrip dan *coding*, maka dapatan daripada sesi temu bual tersebut telah direkodkan pada dapatan kajian. Hasil daripada dapatan kajian mendapati sememangnya memberi kesan yang positif terhadap penggunaannya oleh guru tadika terhadap kanak-kanak. Berdasarkan kajian ini, terdapat beberapa implikasi kajian yang terhasil daripada keseluruhan dapatan kajian. Implikasi yang pertama adalah implikasi *Big Book* itu sendiri. Tidak dinafikan *Big Book* merupakan sebuah bahan bantu mengajar yang unik dan menarik kerana bukannya yang bersaiz besar, mempunyai gambar dan tulisan yang berwarna warni serta bilangan ayat yang pendek, namun guru perlu menjadi lebih kreatif dengan lebih lagi dalam menggunakan *Big Book*.

Kanak-kanak akan cepat bosan jika guru tidak mempelbagaikan aktiviti yang menggunakan *Big Book* tersebut. Dalam masa yang sama, guru boleh menghasilkan *Big Book* mereka sendiri bersama bantuan kanak-kanak. Selain itu, guru tadika memainkan peranan penting dalam memastikan *Big Book* dapat menjadi sebahagian daripada bahan yang dapat membantu kanak-kanak mencapai perkembangan literasi yang sepatutnya. Guru perlu

sentiasa kreatif dalam memastikan setiap pengajaran yang disampaikan dapat difahami oleh kanak-kanak. Guru sebagai fasilitator dapat membantu kanak-kanak untuk lebih berminat di dalam dunia membaca terutamanya *Big Book* agar mereka menyedari bahawa terdapat banyak kelebihan yang boleh dipelajari daripada bahan tersebut.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, penggunaan *Big Book* sebagai salah satu bahan alat bantu mengajar dalam PdPc sememangnya memberi kesan yang positif terhadap perkembangan literasi kanak-kanak. *Big Book* dapat memupuk sikap membaca dalam diri kanak-kanak. Apabila kanak-kanak menggunakan *Big Book*, secara tidak langsung kemahiran literasi turut diuji. Guru boleh menjalankan beberapa ujian untuk menguji tah perkembangan literasi kanak-kanak.

Dalam masa yang sama, diharap kajian ini dapat menjadi pembuka mata kepada mana-mana pihak lain seperti ibu bapa. Ibu bapa tidak boleh mengamalkan dasar lepas tangan kepada guru tadika sahaja di dalam hal melibatkan perkembangan anak mereka. Ibu bapa perlu bersama-sama bergandingan dengan guru supaya sama-sama mencari jalan penyelesaian yang terbaik buat kanak-kanak.

RUJUKAN

- Arshad, M., & Sook Ching, C. (2017). Penilaian semula pengajaran dan pembelajaran dalam pembacaan awal. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 6, 79-86.
<https://doi.org/10.37134/jpak.vol6.sp.6.2017>
- Ayob, A. (2017). Kesan pembelajaran menerusi penggunaan bahan bacaan interaktif berasaskan laman web terhadap kefahaman membaca kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 6(1), 1-17. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol6.1.1.2017>
- Bacotang, J., & Mohamed Isa, Z. (2016). Pembangunan Modul Literasi Awal (Modul Lit-A) untuk kanak-kanak taska. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 5, 30-48.
- Baharudin, H. H., Masnan, A. H., & Zain, A. (2020). The developments and challenges of the integration of interactive whiteboard technology in teaching and learning reading skills for preschool children. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 9(2), 48-57.
- Masnan, A. H., Anthony, N. E., & Zainudin, N. A. S. (2019). Pengetahuan pengajaran dalam kalangan guru prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 8, 33-41.
- Mohamed Isa, Z., & Che Husin, N. F. (2012). Kesan bacaan berulang terhadap kefahaman kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 1, 1-16.
- Mohamed Isa, Z., Bacotang, J., & Che Mustafa, M. (2017). Kesan kandungan Modul Literasi Awal (Modul Lit-A) pada peringkat kanak-kanak berumur 2+, 3+ dan 4+ tahun. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 6(1), 57-68.
- Nik Salmi Nurulhuda Mohd Sainain, Romarzila Omar, Hazhari Ismail, Nordin Mamat, Ruslan Abdullah. (2020). Parental knowledge and development of languages and literacy, communication and socializations in the early childhood education. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, 24(9), 2070-2080.
- Peng Chew, F., & Fikri Ismail, M. (2020). Pelaksanaan pendekatan bermain dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu murid prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 9(1), 14-25.
- Razali, R. M., & Ayob, A. (2018). Keberkesanan penggunaan Modul Interaktif terhadap pencapaian membaca murid pemulihan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(19), 34-56.
- Romarzila Omar. (2017). *Project-based learning in early childhood education for preschool children*. Doctoral Degree in Philosophy, National University of Malaysia.